



SOMPO TRAVEL PLUS

Product Disclosure Sheet

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out this insurance. Be sure to also read the general terms and conditions.)

1. What is this product about?

This policy provides coverage for people traveling abroad (including West Malaysia to East Malaysia or vice versa) in the event of bodily injuries, disability, or death caused solely by violent, accidental, external and visible events during the trip. This policy also reimburses the expenses incurred as a result of travel inconveniences during the trip.

2. Who can be Insured?

Any Malaysians, Permanent Residents, Student Pass Holder, Employment Pass Holder/Work Permit Holders or otherwise legally employed in Malaysia between 30 days and 80 years old (both ages inclusive).

3. What are the covers / benefit provided?

BENEFITS	PLANS	
	Elite	Basic
Accidental Death and Permanent Total Disablement	✓	✓
Child Education Fund	✓	
Medical, Hospital & Other Expenses	✓	✓
Alternative Medicine	✓	
Compassionate Visitation Care (due to hospitalization of the Insured Person)	✓	✓
Medical Treatment in Malaysia	✓	✓
Compassionate Visitation Benefit (due to Insured Person's death)	✓	✓
Child Care Benefit	✓	✓
Hospital Allowance	✓	
Emergency Medical Evacuation & Repatriation	✓	✓
Loss of Baggage and Personal Effects	✓	
Personal Money & Documents	✓	
Baggage Delay	✓	
Travel Delay	✓	
Travel Re-Route	✓	
Loss of Deposit or Cancellation	✓	
Travel Curtailment	✓	
Travel Overbooked	✓	
Travel Misconnection	✓	
Hijacking Inconvenience	✓	
Missed Departure	✓	
Loss of Deposit or Full Payment due to Insolvency of Airlines	✓	
Personal Liability	✓	

Family plan includes you, your spouse and all your children. A family limit applies for the total sum of coverage, even though there is no limit for the number of children under a family plan.

4. What is the Period of Cover and Renewal Option?

The Policy shall become effective as of the date stated in the Schedule. For Short Term Cover, any extension of cover is not allowed during the trip or after you have departed for your destination. It is not renewable for short term cover.

For Annual Cover, the Policy Anniversary shall be one year after the effective date and annually thereafter. On each such anniversary, this Policy is renewable at the premium rates in effect at that time as notified by the Company. A notice of 30 days will be given should any premium rate be increased.

This Policy is renewable at the option of the Company. Application for change of benefits to a higher plan can only be made on renewal and is subject to acceptance by the Company upon renewal.



5. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the sum insured, benefit option, geographical area, duration of trip and the underwriting requirements of the insurance company.

TABLE OF PREMIUM

NO. OF DAYS	Elite		Basic	
	Individual	Family	Individual	Family
RM				
AREA 1 - Australia, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Japan, South Korea, Laos, Macau, within Malaysia, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Philippines, Singapore, Sri Lanka, Taiwan, Thailand and Vietnam				
1 to 5	39	98	18	43
6 to 10	52	130	27	62
11 to 18	79	198	37	92
19 to 31	98	245	45	133
Each additional week thereafter	23	58	14	30
Annual Premium (Per Person)	288	-	218	-
AREA 2 - Worldwide excluding USA and Canada				
1 to 5	55	138	26	60
6 to 10	73	183	37	85
11 to 18	111	278	54	126
19 to 31	138	345	70	168
Each additional week thereafter	33	83	22	50
Annual Premium (Per Person)	338	-	258	-
AREA 3 - Worldwide including USA and Canada				
1 to 5	71	178	32	77
6 to 10	94	235	50	120
11 to 18	143	358	70	170
19 to 31	177	443	105	242
Each additional week thereafter	42	105	28	70
Annual Premium (Per Person)	388	-	308	-

6. What are the fees and charges that I have to pay?

<u>What you have to pay in addition to the premium</u>	<u>Amount</u>
Sales and Service Tax (SST) for Domestic Travel and Annual Policies	6% of premium
Stamp Duty	RM 10.00

<u>What is included in the premium</u>	<u>Amount</u>
Commission paid to the insurance intermediaries (if any)	25% of premium

Premium must be made before cover can be granted.

7. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of

a) You should provide sufficient and accurate information to us or our intermediary to enable us to advise you on the Personal Accident Insurance which suits your needs.

b) DUTY OF DISCLOSURE

- Consumer Insurance Contract

Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form and you must answer the questions fully and accurately. Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance. You are also required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.



- **Non-Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance for purposes related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance

This duty of disclosure for Consumer and Non-Consumer Insurance Contract shall continue until the time the contract is entered into, varied or renewed. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us, any of the information given in the Proposal Form is inaccurate or has changed.

c) **CHANGE IN RISK**

You must disclose any changes to the material facts which you know or ought to know such as your personal pursuits which could affect the risk profile from time to time by giving seven (7) days written notice to the Company and shall pay such additional premium as the Company may require.

d) **PREMIUM PAYMENT AND CASH BEFORE COVER**

Full premium must be paid before the effective date of the Policy. Payment can be made by Cash, Credit Card or GIRO to Berjaya Sompo Insurance Berhad. Insist on a receipt of the premium paid as proof of payment for future reference.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of terms and conditions under this policy.

8. What are the General Exclusions under this policy?

This Policy does not cover:

- a) Pre-existing Medical Conditions.
- b) Suicide or attempted suicide, intentional self-injury.
- c) Influence of alcohol or drugs.
- d) Directly or indirectly by AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) or ARC (AIDS Related Complex) and HIV related diseases.
- e) Pregnancy, child birth (including surgical delivery), abortion, miscarriage and its related complications except miscarriage due to bodily injury as a direct result of an Accident.
- f) Psychotic, mental or nervous disorder.
- g) Professional or hazardous sports, racing (other than on foot).
- h) Air travel other than as fare-paying passenger on a regular scheduled airline.
- i) War, invasion, acts of foreign enemies, hostilities (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, military or usurped power of confiscation or nationalization or requisition or destruction of or damage to property by or under the order of any government or public or local authority or following the warning of any intended strike, riot or civil commotion through or by general mass media.
- j) The consequential loss or damage of any kind.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of exclusions under this policy.

9. Can I cancel my policy?

You may cancel your policy by giving written notice to the insurance company. However, refund of premium is not allowed once the policy is issued.

10. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us if there are changes in your contact details to ensure that all future correspondences reach you in a timely manner.



11. How do I make a claim?

Any occurrence which may result in a claim being made under this Policy must be reported to the Company in writing within thirty (30) days after it occurs and

- i) The Life Insured shall without delay obtain and act upon the advice of a qualified registered Medical Practitioner.
- ii) The Life Insured as required shall submit a medical examination on behalf of and at the expense of the Company.
- iii) All certificate information and evidence shall be furnished by and at the expenses of the Life Insured or their legal representative and shall be in such form and of such nature as the Company may prescribe.
- iv) The Company shall in the event of the Death of the Insured be entitled at its own expense to a post mortem examination.

In no case shall the Company be liable for any Death or Loss or Disablement as herein defined not notified to the Company within thirty (30) days after the accident.

12. Where can I get further information?

Should you require additional information about Travel Insurance, please refer to the InsuranceInfo booklet on 'Travel Insurance', available at all our branches or you can obtain a copy from the insurance agent or visit www.insuranceinfo.com.my.

If you have any enquiries, please contact us during operating hours from 8.30 am – 5 pm (Monday – Friday) at:

Customer Service Centre

Berjaya Sompo Insurance Berhad (62605-U)

Level 36, Menara Bangkok Bank

105, Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Tel. : 603-2170 7300

Fax : 603-2170 4800

Toll Free : 1-800-889-933 (Within Malaysia)

E-mail : info@bsompo.com.my

Website : www.berjaysompo.com.my

13. Other types of Personal Accident Insurance available?

- Ultima Care
- Motorcyclist Care PA
- Individual PA
- Ultima V2
- Ultima V3
- Lady PA
- Traveller's PA
- Easy Rider
- Easy Rider Premier
- Auto Plus
- Worker's PA (Domestic Maid)
- Group PA
- B-Murid

IMPORTANT NOTE:

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS POLICY WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT OUR COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The information provided in this disclosure sheet is a brief summary for quick and easy reference. The exact terms and conditions that apply are stated in the policy contract.

Berjaya Sompo Insurance Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1 Sept, 2018.

SOMPO TRAVEL PLUS

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini adalah untuk memberi perlindungan kepada orang yang melancong ke luar negara (termasuk Malaysia Barat ke Malaysia Timur atau sebaliknya) sekiranya berlaku kecederaan anggota badan, hilang upaya atau kematian disebabkan semata-mata oleh peristiwa ganas, kemalangan, sebab luaran dan ketara semasa perjalanan.

2. Siapakah yang boleh diinsuranskan?

Setiap Individu iaitu Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, Pemegang Pas Pelajar, Pemegang Permit Kerja/Pemegang Pas Pekerjaan atau sebaliknya orang yang bekerja secara sah di Malaysia dan/atau pasangan dan anak-anak mereka berumur antara 30 hari dan 80 tahun (termasuk kedua-dua peringkat umur).

3. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

MANFAAT	PELAN	
	Elite	Basic
Kematian/Hilang Upaya Kekal	✓	✓
Dana Pendidikan Anak-anak	✓	
Perbelanjaan Perubatan, Hospital dan Lain-lain	✓	✓
Perubatan Alternatif	✓	
Manfaat Penjagaan Simpati (kerana Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam hospital)	✓	✓
Rawatan Susulan di Malaysia	✓	✓
Manfaat Penjagaan Simpati (kerana kematian Orang yang Diinsuranskan)	✓	✓
Manfaat Penjagaan Kanak-kanak	✓	✓
Elaun Hospital	✓	
Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik	✓	✓
Kehilangan Bagasi dan Barang-barang Peribadi	✓	
Wang Peribadi & Dokumen	✓	
Kelewatan Bagasi	✓	
Kelewatan Perjalanan	✓	
Laluan Perjalanan Diubah	✓	
Kehilangan Deposit atau Pembatalan	✓	
Pemendekan Perjalanan	✓	
Perjalanan Terlebih Tempahan	✓	
Kegagalan Menyambung Perjalanan	✓	
Rampasan Pesawat/Kenderaan	✓	
Kegagalan Untuk Berlepas	✓	
Kehilangan Deposit atau Bayaran Penuh disebabkan oleh Insolvensi Syarikat Penerbangan	✓	
Liabiliti Diri	✓	

Pelan Keluarga merangkumi suami/isteri dan anak-anak. Walaupun tidak ada had kepada jumlah bilangan tanggungan anak dalam sesebuah keluarga, had manfaat keluarga dikenakan untuk jumlah yang diinsuranskan.



4. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pilihan Pembaharuan?

Polisi ini akan berkuatkuasa pada tarikh sebagaimana yang tercatat di dalam Jadual Polisi. Untuk Perlindungan Jangka Pendek, sebarang lanjutan perlindungan tidak akan dibenarkan semasa perjalanan atau setelah berangkat ke destinasi anda. Polisi ini tidak boleh diperbaharui untuk Perlindungan Jangka Pendek.

Bagi Perlindungan Tahunan, Ulang Tahun polisi seharusnya satu tahun selepas tarikh insurans berkuatkuasa dan setiap tahun selepasnya. Pada setiap ulang tahun, Polisi ini boleh diperbaharui dengan kadar premium yang berkuatkuasa pada masa itu seperti yang diberitahu oleh Syarikat. Notis selama 30 hari akan diberikan sekiranya kadar premium akan dinaikkan. Polisi ini boleh diperbaharui pada keputusan Syarikat. Permohonan untuk mengubah manfaat ke suatu pelan yang lebih tinggi hanya boleh dibuat pada pembaharuan dan adalah tertakluk kepada penerimaan oleh Syarikat pada masa pembaharuan.

5. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada amaun yang diinsuranskan, pilihan manfaat, kawasan geografi, tempoh perjalanan dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

JADUAL PREMIUM

Bilangan Hari	Elite		Basic	
	Individu	Keluarga	Individu	Keluarga
RM				
KAWASAN 1 - Australia, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Japan, Korea Selatan, Laos, Macau, di dalam Malaysia, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Philippines, Singapore, Sri Lanka, Taiwan, Thailand and Vietnam				
1 hingga 5	39	98	18	43
6 hingga 10	52	130	27	62
11 hingga 18	79	198	37	92
19 hingga 31	98	245	45	133
Setiap minggu tambahan selepas ini	23	58	14	30
Premium Tahunan (setiap individu)	288	-	218	-
KAWASAN 2 - Seluruh dunia kecuali USA dan Kanada				
1 hingga 5	55	138	26	60
6 hingga 10	73	183	37	85
11 hingga 18	111	278	54	126
19 hingga 31	138	345	70	168
Setiap minggu tambahan selepas ini	33	83	22	50
Premium Tahunan (setiap individu)	338	-	258	-
KAWASAN 3 - Seluruh dunia termasuk USA dan Kanada				
1 hingga 5	71	178	32	77
6 hingga 10	94	235	50	120
11 hingga 18	143	358	70	170
19 hingga 31	177	443	105	242
Setiap minggu tambahan selepas ini	42	105	28	70
Premium Tahunan (setiap individu)	388	-	308	-

6. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Apa yang anda perlu bayar sebagai tambahan kepada premium
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk pelancongan domestik
dan polisi tahunan sahaja
Duti Setem

Jumlah
6% daripada premium

RM 10.00

Apa yang termasuk dalam premium
Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)

Jumlah
25% daripada premium

Premium hendaklah dibuat sebelum perlindungan berkuatkuasa.



7. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

a) Anda harus memberikan maklumat yang lengkap dan tepat kepada kami atau pengantara kami untuk membolehkan kami menasihati anda tentang Insurans Kemalangan Diri yang sesuai dengan keperluan anda.

b) Kewajipan Pendedahan

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

Kewajipan pendedahan untuk Kontrak Insurans Pengguna dan Kontrak Insurans Komersial hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

c) PERUBAHAN RISIKO

Jika pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, apa-apa penukaran berlaku dan mengubahkan secara material apa-apa fakta yang wujud pada tarikh cadangan, Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang Diinsuranskan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tujuh (7) hari dan hendaklah membayar premium tambahan sedemikian sebagaimana diperlukan oleh Syarikat.

d) PEMBAYARAN PREMIUM DAN PEMBAYARAN SEBELUM BERKUATKUASA

Pembayaran premium mesti dibuat sebelum polisi ini berkuatkuasa. Bayaran boleh dibuat melalui Tunai, Kad Kredit atau GIRO kepada Berjaya Sampo Insurance Berhad. Sentiasa meminta resit untuk premium yang dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa depan.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.



8. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- a) Penyakit sedia ada.
- b) Membunuh diri atau percubaan untuk membunuh diri, kecederaan yang disengajakan.
- c) Kesan atau pengaruh alkohol atau dadah/ubat.
- d) Secara langsung atau tidak langsung oleh AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV.
- e) Kehamilan termasuk kelahiran anak, pembedahan Caesarean, pengguguran anak, keguguran dan lain-lain kesulitan yang berkaitan melainkan keguguran yang disebabkan oleh kecederaan anggota badan akibat kemalangan.
- f) Psikotik, gangguan mental atau saraf.
- g) Penyertaan dalam sukan merbahaya, sukan profesional dan perlumbaan (selain daripada perlumbaan berkaki).
- h) Penerbangan selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan penerbangan biasa berjadual atau pesawat.
- i) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusuhan (samada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan oleh pemerintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan berikutan amaran rusuhan, mogok atau kegemparan awam melalui atau oleh media massa am.
- j) Kerosakan dan kehilangan turutan.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

9. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Pemulangan premium adalah tidak dibenarkan jika polisi telah dikeluarkan.

10. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

11. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

Mana-mana kejadian yang mungkin menyebabkan suatu tuntutan dibuat di bawah Polisi ini hendaklah dilaporkan kepada Pusat Khidmat Pelanggan kami (butir-butir hubungan yang dinyatakan di bawah) secara bertulis dalam tiga puluh (30) hari selepas ia terjadi.

- i) Orang yang Diinsuranskan hendaklah tanpa berlengah mendapatkan atau bertindak atas nasihat pengamal perubatan berkelulusan yang berdaftar.
- ii) Orang yang Diinsuranskan seperti yang dikehendaki hendaklah menyerahkan laporan perubatan bagi pihak dan atas perbelanjaan Syarikat.
- iii) Semua maklumat sijil dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah disediakan dengan perbelanjaan Orang yang Diinsuranskan atau wakil sahnya di sisi undang-undang dan hendaklah dalam bentuk dan sifat seperti yang telah ditetapkan oleh Syarikat.
- iv) Sekiranya berlaku kematian ke atas Orang yang Diinsuranskan, Syarikat adalah berhak melakukan pemeriksaan post mortem atas perbelanjaan Syarikat.

Dalam mana-mana kes, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana Kematian atau Kerugian atau Ketidakupayaan seperti yang ditakrifkan di dalam ini yang tidak dimaklumkan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kemalangan.



11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan Kemalangan Diri Pelancongan, sila rujuk kepada buku panduan InfoInsurans mengenai 'Insurans Kemalangan Diri Pelancongan' yang boleh didapati dari semua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami waktu beroperasi dari 8.30 pagi hingga 5 petang (Isnin – Jumaat) di:

Pusat Khidmat Pelanggan

Berjaya Sompo Insurance Berhad (62605-U)

Tingkat 36, Menara Bangkok Bank

105, Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Tel. : 603-2170 7300

Faks : 603-2170 4800

Talian Bebas Tol : 1-800-889-933 (Within Malaysia)

E-mel : info@bsompo.com.my

Laman Web : www.berjayasompo.com.my

12. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Kemalangan Diri yang boleh didapati?

- Ultima Care
- Motorcyclist Care PA
- Individu PA
- Ultima V2
- Ultima V3
- Lady PA
- Traveller's PA
- Easy Rider
- Easy Rider Premier
- Auto Plus
- Worker's PA (Domestic Maid)
- Group PA
- B-Murid PA

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI ADALAH TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat yang lengkap yang dikenakan adalah terkandung di dalam kontrak polisi.

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula dari 1 Sep, 2018.